

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA  
TERENGGANU  
TERENGGANU DARUL IHHAN

DISEDIAKAN OLEH :

SURIANI BINTI ISMAIL  
SARJANA MUDA SAINS  
(POLISI AWAM DAN SEKITARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGAJIAN AM  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2002

1100033029

805

LI 46 FPE 1 2002



1100033029

Laporan akhir latihan industri di Lembaga Tabung Haji Kuala Terengganu / Suriani Ismail.



**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100033029

1100033029		

Lihat sebelah

HAK MILIK PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI 46 FPE 1 2002

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU DARUL IMAN**

**OLEH**

**SURIANI BINTI ISMAIL  
Sarjana Muda Sains  
( Polisi Awam dan Sekitaran )**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengajian Am  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
( KUSTEM )**

**2002**

**1100033029**

# **BUKU LAPORAN LATIHAN INDUSTRI**

**OLEH**

**SURIANI ISMAIL**

**(UK 4843)**

**Buku laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Pengajian Am  
sebagai memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan  
Pengijazahan Polisi Awam dan Sekitaran**

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI  
MALAYSIA**

**(KUSTEM)**



*Pilihan Utamaku*

**LEMBAGA TABUNG HAJI  
KUALA TERENGGANU  
TERENGGANU DARUL IMAN**



Kepada:  
Sesiapa Yang Berkenaan

Ruj. Kami: T.429/300 Klt.7  
( 33 )  
Tarikh : 23 Mei 2002

Assalamualaikum,

Tuan,

**PENGESAHAN MENJALANI LATIHAN PRAKTIKAL  
CIK SURIANI BINTI ISMAIL – NO. K/P: 800323-11-5300**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar tersebut di atas telah menjalani latihan praktikal di Pejabat Tabung Haji Kuala Terengganu daripada 4 Mac hingga 24 Mei 2002.
3. Sepanjang tempoh latihan tersebut, didapati beliau telah menunjukkan prestasi yang baik, berdedikasi dan mampu berdaya saing. Dengan ini saya percaya beliau akan mampu menjalankan tugas yang diamanahkan sekiranya diberi kepercayaan dan saya menyokong penuh di atas permohonan beliau.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(HAJI TENGGU AZIZ BIN RAJA ABDULLAH)

Pengarah  
Lembaga Tabung Haji  
**NEGERI TERENGGANU**

## ISI KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

BIODATA DIRI	
PRAKATA	i
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
ABSTRAK	viii
Pengenalan	ix
OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI	xi
GERAK KERJA	xv
JADUAL PEMBAHAGIAN TUGAS	xvi

## **BAB 1 LATAR BELAKANG LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA TERENGGANU**

1.1	Pengenalan	1
1.2	MAKLUMAT ORGANISASI	2
1.3	LOGO KORPORAT	7
1.4	OBJEKTIF LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA TERENGGANU	8
1.5	MISI KORPORAT	9
1.6	TUJUAN/MATLAMAT	9
1.7	DASAR KUALITI LEMBAGA TABUNG HAJI	10
1.8	PIAGAM PELANGGAN LEMBAGA TABUNG HAJI	10
1.9	TUJUH KELEBIHAN MENYIMPAN DI TABUNG HAJI	11
1.10	KEKUATAN LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA TERENGGANU	12
1.11	CARTA ORGANISASI	17

1.12	JEMAAH LEMBAGA PENGARAH, MAJLIS PENASIHAT DAN JAWATANKUASA	22
1.13	MANUAL PROSEDUR LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA TERENGGANU	23
1.14	AKTIVITI ORGANISASI	35
1.15	PERKHIDMATAN DAN PRODUK LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA TERENGGANU	37
1.16	PELABURAN TABUNG HAJI	46
1.17	KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	49

## **BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1	MENGESAN SISTEM SEDIA ADA	55
2.2	MENGENALPASTI MASALAH	57
2.3	PENGALAMAN BARU YANG DIPEROLEHI DI LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA TERENGGANU	61
2.4	MASALAH YANG DITEMPUHI DAN CARA MENGATASI MASALAH SEPANJANG TEMPOH LATIHAN DI LEMBAGA TABUNG HAJI KUALA TERENGGANU	62
2.5	KOMEN	63
2.6	CADANGAN	65
	PENUTUP	70
	RUJUKAN	
	LAMPIRAN	



# **BIODATA DIRI**

**NAMA** : **SURIANI BINTI ISMAIL**

**NO. MATRIK** : **UK 4843**

**NO. K/P** : **800323-11-5300**

**TARIKH LAHIR** : **23 MAC 1980**

**FAKULTI** : **PENGURUSAN DAN EKONOMI**

**PROGRAM** : **SARJANA MUDA SAINS POLISI**  
**AWAM DAN SEKITARAN**

**ORGANISASI** : **LEMBAGA TABUNG HAJI**  
**KUALA TERENGGANU**

**TEMPOH LATIHAN** : **5 MAC HINGGA 23 MEI 2002**

## PRAKATA

Assalamualaikum .wb.t

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia dariNya dapat saya menyiapkan buku laporan latihan industri ini dengan sebaiknya dalam masa yang telah ditetapkan. Walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan halangan, namun dengan izin Yang Maha Esa dan atas usaha serta berkat kesabaran saya dan dorongan daripada keluarga dan rakan-rakan dapat saya menyiapkan buku laporan ini dalam jangkamasa yang telah ditetapkan.

Seperti yang telah kita sedia maklum, Latihan industri (LI) merupakan satu program pelengkap yang menjadi salah satu syarat bagi setiap penuntut di Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) untuk dianugerahkan diploma ataupun ijazah mengikut program masing-masing. Latihan industri (LI) ini dijalankan pada cuti semester iaitu kira-kira dua belas minggu. Secara keseluruhannya, apa yang terkandung di dalam buku laporan ini merupakan kerja-kerja yang telah dijalankan sepanjang tempoh latihan berada di Lembaga Tabung Haji Kuala Terengganu. Walaupun hanya dalam jangkamasa yang agak

singkat, namun banyak pengetahuan dan pengalaman tentang dunia pekerjaan yang telah saya perolehi selama tempoh latihan industri ini.


Laporan industri (LI) ini menyentuh berkenaan dengan organisasi syarikat di samping tugas dan kerja yang telah dilaksanakan. Dengan adanya laporan ini, diharap ia akan menjadi panduan dan rujukan dalam menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar di masa hadapan.

Diharap hubungan baik antara pihak Lembaga Tabung Haji Kuala Terengganu dengan pihak Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) akan berkekalan bagi memberi peluang kepada setiap pelajar untuk menjalani latihan industri dengan jayanya seperti yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Disediakan oleh,



.....

(SURIANI ISMAIL)

UK 4843

S.M.S POLISI AWAM DAN SEKITARAN

## PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

Syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan segala limpah kurnia dariNya serta selawat dan salam ke atas Nabi junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, para sahabat dan keluarga baginda kerana dapat saya menyiapkan buku laporan latihan industri ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program Latihan industri.

Selain itu, sekalung penghargaan buat Penyelia KUSTEM, Puan Ruzaini binti Sulaiman @ Abdul Rahman kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat yang berguna sehingga membolehkan saya menjalani latihan industri dan sekaligus menyiapkan buku laporan ini. Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah yang telah banyak mencurahkan ilmu dan mengeluarkan idea-idea yang bernas sehingga membolehkan saya menghasilkan buku laporan latihan industri ini.

---

Jutaan terima kasih juga buat Yang Mulia Haji Tengku Aziz bin Raja Abdullah, selaku Pengarah Lembaga Tabung Haji Kuala Terengganu kerana telah menerima saya untuk menjalani latihan industri di organisasi tersebut. Di samping itu, terima kasih juga di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang amat berguna buat saya selama menjalani latihan industri di sini. Tidak lupa juga kepada Penyelia Industri iaitu Encik Hisham bin Mohd. Nor selaku Penyelia Pentadbiran/Haji dan semua kakitangan Lembaga Tabung Haji Kuala Terengganu yang tidak jemu melayan kerenah saya serta tidak lokek untuk memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalani latihan industri di sini.

Buku laporan ini dapat disiapkan adalah berkat ketekunan dan kesabaran saya dan rakan-rakan serta keluarga tercinta yang telah banyak memberi dorongan dan bantuan sama ada dari segi kewangan mahupun nasihat yang amat berharga sehingga membolehkan saya menyiapkan buku ini dengan sebaik mungkin di atas keizinan Allah s.w.t. Terima kasih juga buat rakan-rakan yang telah membantu dalam penyediaan buku ini sama ada dari segi pendapat, pandangan, bantuan dan juga dorongan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau

tidak dalam proses penyediaan buku laporan latihan industri ini. Saya memohon keampunan kehadiran Rabbul Jalil diatas segala kesalahan sepanjang penulisan tugas ini. Semoga tugas ini dapat memberikan suntikan semangat dan minat terhadap program latihan industri dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. Amin.

Sekian, terima kasih.

## SENARAI JADUAL

JADUAL 1: KRITERIA PENILAIAN PEMENANG SEKOLAH

JADUAL 2: BAGI KATEGORI PEMENANG

JADUAL 3: PEMENANG TEMPAT PERTAMA HINGGA KE TIGA

JADUAL 4: PELAN TABUNGAN UNTUK SARAAN BULANAN

## SENARAI RAJAH

1.3 LOGO KORPORAT

1.11 CARTA ORGANISASI

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH



## ABSTRAK

Lembaga Tabung Haji (*TH*) adalah sebuah institusi kewangan yang berteraskan syariat Islam yang unggul di mana ianya ditubuhkan atas kesedaran bagi membantu dan memudahkan urusan ibadat haji bagi umat Islam khususnya umat Islam di Malaysia. Di samping itu, penubuhannya juga adalah selaras dengan langkah kerajaan mewujudkan dana dengan pelaburan yang disimpan oleh umat Islam Malaysia. Selaras dengan itu juga, *TH* Kuala Terengganu turut menyumbang ke arah pembangunan khususnya di sektor kewangan di daerah ini setelah kira-kira 30 tahun beroperasi.

Pejabat *TH* Kuala Terengganu ini terletak di bangunannya sendiri dan berkongsi bumbung dengan Bank Pertanian Malaysia (*BPM*), Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu. Ia dianggotai oleh 27 kakitangan termasuk lima (5) orang orang pegawai keselamatan. Lembaga Tabung Haji Kuala Terengganu mempunyai 6 unit iaitu Unit Haji/Pentadbiran, Unit Pemasaran, Unit Billing, Unit Kewangan dan Unit Imaging.